



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 DISEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	JANGAN IMPORT TELUR DARI NEGARA ADA WABAK UNGGAS, DALAM NEGERI, UM -5 ISU TELUR, HARGA MUNASABAH, LOKAL, HM -16 BANYAK EKSPORT KE SINGAPURA, LOKAL, HM -16 EKSPORT KE SINGAPURA PUNCA BEKALAN TELUR DI JOHOR KURANG, NASIONAL, BH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFI)
5. 6.	MARITIM TAHAN DUA BOT, 19 KRU NELAYAN VIETNAM, NEGERI TERENGGANU, SH -29 35 JAM TUNDA BOT PENCEROBOH, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	ELAUN SARA HIDUP 'TALIAN HAYAT' NELAYAN DI MUSIM TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UM -30 KERAJAAN PERLU SEMAK KADAR POTONGAN PEMUTUAN PADI, NASIONAL, SH -12 'HARGA TELUR TURUN, KAMI GULUNG TIKAR', NEGARA, KOSMO -7 BERNAS OFFERS POOR PADI FARMERS A LIFELINE, NATION, THE STAR -3 LOWER EGG SUPPLY, BUT SITUATION NOT CRITICAL, NATION, THE STAR -13 POULTRY BREEDERS WANT TO MEET MOHAMAD, NATION/NEWS, NST -5 'NO SHORTAGE OF EGGS IN JOHOR', NATION/NEWS, NST -5	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

8/12/2022

UTUSAN

DALAM

5

MALAYSIA

NEGERI

Jangan import telur dari negara ada wabak unggas

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mempertimbangkan kembali cadangan mengimport telur bagi mengatasi masalah bekalan yang tidak mencukupi, lebih-lebih lagi jika ia bersumberkan negara-negara yang diserang wabak penyakit unggas seperti selesema burung.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, kerajaan mengenal pasti beberapa sumber dari luar sebagai menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan bekalan telur ayam di pasaran.

Reaksi diterima Utusan Malaysia daripada beberapa pemain industri ayam dan telur menyatakan kebimbangan bahawa langkah penyelesaian jangka pendek itu berpotensi mengancam keselamatan pengguna.



KELIHATAN bekas telur kosong berikutan kekurangan bekalan telur ayam di sebuah kedai runcit di Kangar.

Difahamkan, terdapat ca- dari sebuah negara berdekatan dengan supaya telur diimport tetapi negara berkenaan sedang

dilanda selesema burung.

Kata satu sumber industri, bekalan telur dari negara berkenaan murah kerana bekalan sumber protein itu sedang dipusatkan di sana akibat penularan wabak selesema burung.

"Harga telur yang ditawarkan untuk dijual dalam negara kita ini memang agak rendah berbanding harga sekarang. Itu kita tak nafikan. Tapi ada masalahnya telur itu berisiko bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga industri tempatan," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, sumber itu berkata, selaku pemain industri yang turut terlibat dalam soal import eksport telur, pihaknya sedia maklum bahawa ayam-ayam telur yang ditermak di beberapa wilayah di negara itu sedang sedang dihapuskan bagi mengurangkan penyebaran wabak penyakit itu.

"Kita tahu permainan ini, kebanyakan ladang-ladang telur yang kena, mereka jual terus telur-telur dengan harga yang sangat murah. Sebab, ayam mereka harus dilupuskan. Jadi, stok telur mereka perlu dijual," kata sumber.

Dalam pada itu, sumber berkata, beliau difahamkan bahawa dalam minggu ini, satu kargo telur akan mula dieksport ke Malaysia.

"Sekarang sudah bebob dalam kalangan pemain industri telur tempatan. Kita desak kerajaan melihat perkara ini sebelum terlambat," kata sumber.

Sementara itu, satu sumber industri lain yang dihubungi berkata, tindakan mengimport telur yang jauh lebih murah, mengancam perniagaan penternak dan pengusaha ladang telur tempatan.

FOKUS UTAMA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Isu telur, harga munasabah

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Isu bekalan barangan keperluan, terutama telur dan ayam serta harga munasabah untuk pengguna menjadi fokus utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Menterinya Mohamad Sabu berkata, isu bekalan makanan dengan harga yang munasabah memerlukan perhatian serius seiring dengan ramalan ekonomi dunia akan mengalami kemerosotan pada tahun hadapan.

Beliau berkata, kementerian itu adalah lapangan baharu baginya kerana sebelum ini beliau menjadi Menteri Pertahanan yang lebih banyak bercakap soal keselamatan, namun kini di bidang kehidupan manusia membabitkan makanan dan keperluan harian.

Katanya, perkara pertama yang akan dilakukannya ialah mendengar taklimat sebelum merangka apa-apa perkara manakala agenda yang tersedia diteruskan.

"Saya akan lihat mengenai harga makanan, terutama



SEORANG wanita membawa telur yang baru dibeli di Pasar Awam P8, Putrajaya, semalam.

telur kerana golongan miskin sehingga atasan memakan telur di samping isu ikan dan ayam," katanya selepas sesi mengetik kad perakam gambar situasi sebenar waktu hari pertama memulakan tugas secara rasmi di pejabatnya, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mohamad berkata, pihaknya akan mendapatkan gambaran situasi sebenar melalui taklimat dalam mencari kaedah terbaik soal keterjaminan bekalan mak-

nan.

Beliau berkata, keterjaminan makanan dengan harga munasabah itu penting, malah Datuk Seri Anwar Ibrahim berkali-kali membangkitkan isu ini ketika kempen Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) dan selepas meng-

angkat sumpah sebagai Perdana Menteri.

Katanya, selepas mendapat gambaran sebenar dan mencari kaedah terbaik, baru satu kenyataan bersama Datuk Seri Salahuddin Ayub yang menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Ne-



Saya akan lihat mengenai harga makanan, terutama telur kerana golongan miskin sehingga memakan telur di samping isu ikan dan ayam"

Mohamad

geri dan Kos Sara Hidup di buat.

Ditanya sama ada isu kekurangan bekalan keperluan asas tidak akan berulang, Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) itu berkata, beliau tidak boleh memberi jaminan perkara sedemikian tidak berulang kerana ia tertakluk kepada ekonomi dunia.

Katanya, peperangan yang berlaku antara Ukraine dan Rusia tidak dijangka dan akhirnya memberi kesan kepada kos baja.

"Bagaimanapun, saya bersama pegawai kementerian ini akan mencari jalan untuk cuba mengatasinya dengan cara terbaik," katanya.

Iskandar Putri: Isu kekurangan bekalan telur ayam di Johor disebabkan permintaan eksport ke Singapura selain dihantar ke pasaran di Melaka dan Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, Johor tidak mengalami masalah kekurangan bekalan telur ayam yang kritikal ketika ini.

"Johor sebenarnya tidak menghadapi kekurangan kritikal, bekalan memang kurang, tetapi tidak kritikal sebab Johor adalah antara pengeluar telur ayam dalam negara.

"Cuma kita maktum kebanyakan dieksport ke Singapura dan negeri lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan, sebab itu nampak kekurangan.

"Bagaimanapun, daripada segi pengeluaran tidak berkurangan, cuma permintaan lebih sebab perlu penuhi eksport," katanya ketika sidang media di Dewan Undangan Negeri (Dun) di Bangunan Sultan Ismail (HSI) Kota Iskandar di sini semalam.



KEDAI pemborong telur ayam di bandar Seremban, Negeri Sembilan menjalankan perniagaan seperti biasa.

Banyak eksport ke Singapura

lam.

Sementara itu, Zahari berkata, pihaknya juga akan bertemu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu dalam masa terdekat bagi membincangkan hala tuju dan perancangan negeri berkaitan bidang pertanian.

"Berkaitan isu bekalan telur, saya yakin Menteri Per-

tanian dan Keterjaminan Makanan dijangka memberi kenyataan berkaitan keadaan semasa," katanya.

Kelmarin media melaporkan dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada be-

berapa negara sumber yang sudah dikenal pasti dengan segera.

Mohamad Sabu juga menyatakan, antara langkah jangka pendek yang diambil kementerianya, selain akan memastikan telur ayam yang diterima berkenaan selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Ekspor ke Singapura punca bekalan telur di Johor kurang

Masalah tidak kritikal kerana penuhi permintaan luar

Oleh Mohamad Farid Noh, Mary Victoria Dass dan Johari Indan
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Kekurangan bekalan telur yang berlaku dalam pasaran Johor ketika ini, hanya disebabkan permintaan eksport ke Singapura, selain penghantaran bekalan ke pasaran Melaka dan Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata Johor tidak mengalami masalah kekurangan bekalan telur ayam yang kritikal ketika ini.

"Isu telur, Johor sebenarnya tidak menghadapi kekurangan kritikal, bekalan memang kurang tetapi tidak kritikal sebab Johor adalah antara pengeluar telur terbesar juga (dalam negara)."

"Cuma kita maklum, kebanyakan dieksport ke Singapura, dan

dihantar untuk pasaran negeri lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan, sebab itu nampak kekurangan.

"Bagaimanapun, dari segi pengeluaran tidaklah berkurangan, cuma permintaan lebih sebab perlu penuhi eksport," katanya dalam sidang media sempena Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bangunan Sultan Ismail (HSI) Kota Iskandar di sini semalam.

Bincang hala tuju

Sementara itu, Zahari berkata, pihaknya juga akan bertemu dengan Menteri Pertanian dan Keamanan Makanan, Mohamad Sabu, pada masa terdekat bagi membincangkan hala tuju dan perancangan negeri berkaitan bidang pertanian.

"Berkaitan isu bekalan telur, saya yakin Menteri Pertanian dan Keamanan Makanan dijangka memberi kenyataan berkaitan keadaan semasa," katanya.

Kelmarin, media melaporkan dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keamanan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah di-



Pekerja menyusun stok telur di sebuah pasar raya di Bandar Baru Uda, Johor, semalam. (Foto Nur Aisyah, Mazalan/BH)

kenal pasti dengan segera.

Menternya, Mohamad Sabu, menyatakan antara langkah jangka pendek yang diambil kementerian, selain akan memastikan telur ayam yang diterima itu selamat daripada penyakit dan mematuhi piawaian ditetapkan.

Sementara itu di Tamparuli, Sabah, ketiadaan bekalan telur ayam yang dihadapi pengguna daerah itu sejak Ahad lalu, selesai apabila pembekal kembali menghantar bekalan kepada pre-

mis perniagaan semalam.

Tinjauan mendapati, bekalan telur ayam mula bertimbul di premis perniagaan seperti kedai runcit dan pasar raya sejak awal pagi.

Berikutan itu, pengguna mula datang membeli telur ayam yang dijual mengikut gred bermula pada harga RM14 satu papan.

Peniaga, Jenny Wong, 52, berkata tiada had pembelian di-kenakan kepada pengguna, mandangkan stok telur ayam masih banyak untuk memenuhi

hi keperluan.

"Walaupun tiada had pembelian, namun kami menggalakkan pengguna hanya membeli mengikut keperluan supaya pengguna lain tidak kehabisan stok.

"Masalah ketiadaan bekalan telur ayam selama empat hari lalu, berpunca pembekal lewat menghantar bekalan kepada peniaga," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, pembekal akan menghantar telur ayam kepada premis perniagaan dua minggu sekali.

Maritim tahan dua bot, 19 kru nelayan Vietnam



Khairulnauar (tengah) menunjukkan hasil laut yang ditemui dalam bot nelayan asing Vietnam.

KUALA TEREGGANU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berjaya menahan dua bot nelayan asing Vietnam bersama 19 kru kerana menangkap ikan dalam perairan negara tanpa kebenaran pada Isnin.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Khairulnauar Abdul Majid berkata, dua bot tunda ganding itu ditahan pada jam 10.15 malam, kira-kira 135 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Menurutnya, kehadiran bot nelayan Vietnam yang ketika itu leka menangkap ikan berjaya dikesan kapal Maritim yang sedang melaksanakan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat.

"Bot pertama yang ditahan di-

kendailkan 14 kru termasuk tekong manakala bot kedua dikendalikan lima kru bersama tekong.

"Semua rampasan dianggarkan bernilai hampir RM3 juta melibatkan hasil tangkapan laut seberat 900 kilogram, bekalan diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya kepada pemberita di sini pada Rabu.

Khairulnauar berkata, semua kru berusia antara 16 hingga 62 tahun bersama bot yang ditahan dibawa ke jeti Maritim negeri Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, proses membawa bot tahanan mengambil masa lebih 35 jam kerana cuaca buruk susulan musim Monsun Timur Laut.

Jelas beliau, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana

menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Maritim Negeri Terengganu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang akan merugikan negara.

"Sepanjang tahun ini kita telah berjaya menahan 30 bot nelayan asing dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM45 juta termasuk bot tahanan, peralatan menangkap ikan, hasil ikan dan diesel," katanya.

35 jam tunda bot penceroboh

Dua bot nelayan Vietnam ceroboh perairan negara disita

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Lebih 35 jam masa diambil untuk menunda dua bot nelayan Vietnam yang ditahan pada jamrak kira-kira 135 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, di sini, Isnin lalu.

Kesukaran itu dihadapi anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu susulan cuaca buruk dan laut bergelora.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Majid@Razali berkata, kedua-dua bot berkenaan ditahan kapal maritim yang sedang melakukan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat, selepas disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan

di perairan Malaysia tanpa kebenaran.

"Dua bot bersama 19 tekong dan kru berusia antara 16 hingga 62 tahun itu ditahan ketika sedang menjalankan aktiviti tunda ganding kira-kira jam 10.15 malam.

"Kami berdepan kesukaran dan mengambil masa lebih 35 jam untuk membawa dua bot itu ke jeti maritim susulan laut bergelora," katanya di pejabat APMM, di sini, semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, bot serta kru dibawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.

"Hasil tangkapan laut, bekalan diesel, bot dan peralatan menangkap ikan ditanggarkan bernilai hampir RM3. turut dirampas," katanya.



KHAIRULANUAR (dua dari kiri) menyoal tekong bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas pencerobohi perairan negeri ini di Ibu Pejabat Maritim Terengganu, semalam.

Bellau berkata, tahun ini, sebanyak 30 bot nelayan Vietnam ditahan dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM45 juta. Katanya, Maritim Tereng-

ganu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang penceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut negara.

"Kami akan terus menjalankan operasi walaupun ketika musim tengkujuh bagi memastikan perairan negara dan mengekang kehadiran bot asing.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi mencegah sebarang aktiviti menyalahti undang-undang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Elaun sara hidup 'talian hayat' nelayan di musim tengkujuh

PASIR PUTEH: Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) menjadi 'talian hayat' kepada golongan itu selepas tidak dapat menangkap ikan susulan tiupan angin kencang dan laut bergelora kesan Monsun Timur Laut (MTL).

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kebanyakan bot-bot yang digunakan untuk ke laut tersadal sekali gus nelayan terpaksa 'berehat' seketika.

Seorang nelayan pantai di Semerak, Ibrahim Zakaria, 38, berkata, bantuan ESHN sebanyak RM900 sebulan itu menjadi 'pengubat' untuk menyara keluarga.

Menurutnya, disebabkan situasi itu dia dan keluarga terpaksa berhijrah ke luar negara bagi memastikan bantuan itu mencukupi sebelum dapat kembali semula ke laut untuk mencari rezeki.

"Nak kerja lain tak ada kemahiran, jadi sepanjang tempoh ini kita gunakan untuk membaiki pukat dan bot sebagai persediaan untuk kembali ke laut memukat udang selepas gelora menggunakan permit Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) sebagaimana lazimnya.

"Kami tetap bersyukur dengan bantuan ESHN sekali pun masih berdepan dengan harga kenaikan barangan keperluan yang kian mahal," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak memohon agar bantuan ESHN diteruskan dengan mengambil kira kebajikan lebih 1,000 nelayan di kawasan berkenaan yang masih berada dalam kelompok nelayan miskin.

Katanya, PNK Bachok mahu Kerajaan Perpaduan mengkaji semula untuk membuat sedikit kenaikan kadar bantuan selari dengan peningkatan harga barangan keperluan asas dan kos sara hidup.

8/12/2022

SINAR

NASIONAL

12

HARIAN

Kerajaan perlu semak kadar potongan pemutuan padi

ALOR SETAR -

Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras (PADI Rescue) memohon perhatian kerajaan untuk membantu pesawah dengan mengurangkan kadar potongan pemutuan padi yang melebihi 20 peratus.

Timbalan Pengerusinya, Muhamad Rafirdaus Abu Bakar berkata, perkara tersebut pernah diuarakan oleh badan bukan kerajaan (NGO) itu kepada kerajaan pada 2016 untuk membantu pesawah.

Menurutnya, potongan terhadap padi mereka antara 22 hingga 24 peratus tidak wajar kerana kualiti beras yang diperolehi pada ketika ini semakin berkualiti.

"Jika kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu membantu pesawah, PADI Rescue menyarankan kerajaan untuk mengurangkan kadar pemotongan pemutuan padi yang melebihi 20 peratus.

"Kami harap kadar potongan pemutuan padi ini dapat dibuat sekitar 16 hingga 17 peratus seperti yang dilakukan hampir 18 tahun lalu.

"Jika kadar potongan dikekalkan lebih 20 peratus, petani hanya memperoleh hasil kira-kira 800 kilogram (kg) sahaja daripada setiap 1,000 kg," katanya semasa



Jika kadar potongan dikekalkan lebih 20 peratus, petani hanya memperoleh hasil kira-kira 800 kilogram (kg) sahaja daripada setiap 1,000 kg. - Gambar hiasan

dihubungi Sinar Harian pada Selasa.

Sementara itu, pengulas mengenai keputusan kerajaan yang mahu menghentikan monopoli beras oleh Pacifier Nasional Bhd (Bernas), Muhamad Rafirdaus menyambut baik perkara tersebut.

Jelasnya, kerajaan perlu membuka ruang kepada banyak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk bersaing di antara satu sama bagi me-

nawarkan harga yang terbaik untuk rakyat.

"Felra dan Feida muncul antara syarikat dilihat mampu bersaing memberi tawaran dan harga beras yang terbaik jika diberikan ruang dalam industri beras di dalam negara kita.

"Ini antara contoh GLC yang berjaya dan mungkin banyak lagi syarikat yang bersedia jika diberikan peluang seperti di Singapura apabila enam syarikat yang diberikan hak untuk mengimport beras. Kita sepatutnya dah lama lakukan perkara ini," ujar beliau.




RAFIRDAUS

berkaitan kerajaan (GLC) untuk bersaing di antara satu sama bagi me-



SITI NUR AIN menunjukkan pavoiova jualannya yang menggunakan 50 papan telur ayam seminggu di Kuala Terengganu semalam.



STOK telur ayam yang semakin berkurangan di sebuah gudang penternak ayam telur di Perak.

Pengusaha ayam telur mahu harga ditentukan melalui pasaran bebas

'Harga telur turun, kami gulung tikar'

Oleh LUOMAN RIDHWAN
MOHD. NOR dan KAMALIZA
KAMARUDDIN

IPOH - Pengusaha-pengusaha ayam telur di negeri ini berharap agar kerajaan tidak menurunkan harga jualan hasil ternakan itu kerana ia bakal menjelaskan sumber pendapatan mereka.

Menurut seorang pengusaha ayam telur dikenali sebagai Goh, ramai dalam kalangan mereka bakal gulung tikar jika kerajaan memutuskan untuk menurunkan harga telur ayam.

Memurutnya, harga telur yang tinggi direkodkan ketika ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan tersebut, namun mereka percaya ia akan turun

mereka terpaksa menutup perniagaan.

"Jika keadaan itu berlaku, halanya syarikat-syarikat besar yang akan tinggal dan mendapat keuntungan daripada situasi tersebut," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Kelmarin Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memaklumkan pihak Kementerian telah mengesahkan beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan telur ayam dalam kadar segera.

Jelasnya, tindakan itu perlu dilakukan bagi memastikan bekalan telur ayam dalam negara tidak terputus dan bukannya untuk menenteng pengusaha industri

tempat.

Mengulas lanjut, Goh berkata, kerajaan sebaliknya boleh membantu golongan pengusaha ayam telur dengan membenarkan harga bahan tersebut ditentukan oleh pasaran bebas.

Dalam pada itu, di Terengganu, rata-rata peniaga makanan yang menggunakan telur sebagai bahan utama dalam menu jualan berharap kerajaan segera menurunkan harga bagi telur ayam import.

Seorang peniaga pavoiova, Siti Nur Ain Roslan, 33, pula berkata, dia terpaksa membeli telur ayam gred AA dengan harga RM16 se-papan ketika ini berbanding hanya RM13 sebelum ini.

"Bahan utama pavoiova adalah

telur ayam dan saya menggunakan lebih 50 papan (telur ayam) sebulan.

"Saya harap kerajaan dapat urutuskan segera harga baharu telur ayam import itu nanti untuk memudahkan saya membuat perancangan perniagaan," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Bagi peniaga nasi kandar, Norharizan Hassan, 45, yang menggunakan 100 hingga 150 biji telur ayam setiap hari juga senada dengan Siti Nur Ain.

Dia berkata, kerajaan tidak boleh 'mengunci mulut' terlalu lama kerana dikhuatiri peniaga pula yang terpaksa menyerap kenaikan kos harga bahan mentah itu.



KERATAN Kosmo! semalam.

apabila masalah itu diatasi satu hari nanti.

"Apa yang akan berlaku sekiranya kerajaan membuat keputusan untuk menurunkan harga telur adalah, peniaga-peniaga kecil akan berhadapan dengan kerugian sehingga menyebabkan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2022	THE STAR	NATION	3

Bernas offers poor padi farmers a lifeline

KUALA LUMPUR: Rice farmers are calling for an introduction of living allowance and subsidies for cost materials as well as the improvement of drainage quality system in padi fields as a way of increasing their livelihood.

This follows the announcement by Padiberas Nasional Bhd (Bernas) which had agreed to distribute RM10mil in allocation to poor rice farmers nationwide this month while another RM50mil will be distributed next year.

In PERLIS, Razali Salam, 70, from Kampung Surau, Kangar, said after being stuck in poverty for so long, he hoped the announcement could change his fate and that of farmers across the country.

"Many people assume that 'buat bendang' (planting rice) can make you rich but the fact is those making big profits are the 'taukeh' (businessmen) and not us padi farmers," said Razali who began padi farming at the age of 18.

Ismail Saidin, 55, said, "We've been having it hard for a long time, it would help if the government introduces RM200 a month living allowance to help ease the cost of living," the father of four told Bernama.

In KEDAH, Abdul Ghani Md Zain, 48, of Kampung Putat, Jitra, hopes the profit allocation will be channelled to help ease the burden in facing hikes in the cost of input materials.

Zurin Jamaludin, 47, urged the government to focus on the problems of padi farmers, including the issue of improving the quality of drainage systems in paddy fields.

In SELANGOR, in Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang, Fairuzzaini Mohd Toif, 38, hopes the allocation would be channelled in the form of subsidies, especially for the purchase of input goods including fertilisers and pesticides.

"For example, the price of fertiliser for a (padi field) lot was about RM100 last year.

"But now it has doubled every time there is a new planting season and this is burdening padi farmers because they have to spend more,"

Lower egg supply, but situation not critical

ISKANDAR PUTERI: The spike in demand from Melaka, Negri Sembilan and Singapore is affecting the supply of eggs in Johor but the situation is not critical, assured the state government.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said although the supply was low, the state remained one of the biggest egg producers in the country.

"Most of our eggs are being exported to Singapore, Melaka and Negri Sembilan, which is why we are seeing fewer eggs in our market although in terms of production, it is at a normal level. But we are seeing more demand for export," he told reporters on the sidelines of the state assembly meeting in Kota Iskandar here yesterday.

He said the state was not facing food supply problems involving sea produce and vegetables despite the ongoing monsoon season.

Zahari said the Malaysian Fisheries Development Board



Food agenda: Zahari attending the state assembly meeting in Kota Iskandar. — Bernama

(LKIM) and agribusiness associations had given an assurance that the supply was sufficient despite the reduction in harvest or catch

due to the monsoon.

"Based on information, there is indeed a lack of fish landings due to several factors such as fewer fisher-

men going to sea. However, according to the demand recorded during last year's monsoon season, the existing supply is sufficient.

"The same involves produce such as vegetables, where there are some farming areas affected by heavy rain but it does not affect supply and demand at the moment," he added.

Zahari said he would arrange a meeting with Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu to discuss issues related to agriculture in the state.

He said the meeting was to ensure the direction of Johor's agriculture sector as it was one of the state's main economic sectors.

"The state government also needs federal cooperation to make initiatives planned such as the Johor food agenda and the black pepper valley a success.

"So we hope that the meeting will be useful for the well-being and security of food supply not only for Johor but the whole country," he added.

'EGG, CHICKEN SUBSIDY UNHELPFUL'

POULTRY BREEDERS WANT TO MEET MOHAMAD

Ministry's decision to source eggs from overseas will affect farmers, says group chairman

YASMIN ONN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Selangor Poultry Breeders Association denied that there was a shortage of eggs supply locally, saying that the vital food item is still being exported to neighbouring countries.

As such, its chairman Idrus Zainal Abidin said the association wants to meet Agriculture and Food Security Minister Mo-

hammad Sabu to convey what the farmers were facing on a day to day basis.

"I want to meet the minister to discuss this issue since we (farmers) are the ones who actually understand the predicament on the ground," he told the *New Straits Times*.

He said Mohamad may not have been properly briefed on the actual situation in the market.

Idrus added that the decision by the ministry to impose a short-term measure to source eggs from overseas will affect local farmers.

He said this was because the subsidies given for chicken and eggs have not been helpful to them.

"We have the capacity to meet egg and chicken demand. This ceiling price and subsidy has only added fuel to the fire.

"It was such a burden for us since twice the government did

not pay the subsidy to us.

"Just pull off the ceiling price and subsidy so that every farmer and seller can have healthy competition to fulfil demand."

The association has 33 members and can produce about four million birds at any one time.

He also denied claims that poultry farmers were hoarding eggs and chickens.

"There is no use for us to keep eggs and chickens. We only want to sell eggs and chickens at fair prices because running a business without a profit is useless."

Idrus added that Malaysia continues to export locally produced eggs and chickens to neighbouring countries, including Singapore.

Meanwhile, Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin said his supermarket chain still faced problems obtaining adequate egg supply.



The Selangor Poultry Breeders Association says there is enough supply of eggs locally, adding that they are also being exported to neighbouring countries. PIC BY ASHWADI ALIAS

"We are still struggling to put eggs on our supermarket shelves. We only receive 20 to 30 per cent of our egg supply daily.

"If the authorities come over to conduct checks, then sometimes we can receive more than that percentage. But that rarely happens," he said.

Ameer, who is also Bumiputera Retailers Association president, said the government should solve this issue immediately since the Christmas holiday is approaching. "The ministry should ensure that supply is adequate before

Christmas because this issue is affecting everyone. It's not only us (retailers), but bakeries and restaurants are affected, too."

On Tuesday Mohamad had said a short-term plan to obtain eggs from various sources overseas would be imposed to cope with the egg shortage in the country.

He had said the ministry would ensure that egg supplies were not cut off to safeguard the people's welfare because it was an important protein source as Malaysians consume 968 million eggs per month.

INCREASE IN DEMAND FOR EXPORT

'No shortage of eggs in Johor'

JOHOR BARU: Johor is not facing a shortage in the supply of eggs.

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip said the state, which is one of the largest producers of the protein staple in Malaysia, is however, experiencing more demand due to exports to Singapore and other states such as Negri Sembilan.

Asked whether discussions have been held with poultry associations to address the issue, he said a meeting was held in July.

"They have also met the minister after that.

"I am not sure about the decision made at the federal level at the time, but I believe they will be meeting the minister again," he said to reporters on the sidelines of the state assembly session in Kota Iskandar here yesterday.

He was reluctant to say much on the issue to avoid making statements contradictory to what Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu said.

On Tuesday, Mohamad had announced that the government has agreed to import chicken



Datuk Zahari Sarip

eggs from several foreign sources as a short-term solution to meet domestic demand.

He said it was meant to ease the pressure off the local chicken egg industry operators while ensuring that the supply in the country was not disrupted so that the source of protein was available in the market.

The decision is expected to be reviewed once the supplies stabilise.

Malaysians reportedly consume an average of 968 million

eggs monthly.

Meanwhile, Zahari said Johor's food supplies were sufficient to last during the year-end monsoon disruptions that stretch to Chinese New Year.

"We are gathering information from the related departments at the moment.

"I admit that there is a dip in the volume of fish caught from November.

"However, based on Fisheries Development Board records of the previous monsoon season's demand and the current volume of fish caught, we project that there would be sufficient supply of fish.

"This could last up to early next year," Zahari said, adding that his visits to catchment locations assured him as much.

Zahari said he was informed during the state's discussion with those involved in agricultural activities that there would be sufficient supply of vegetables.

"There may be an increase due to a spike in demand or shortages that come about due to floods, especially at crop production areas.

"But for now it is sufficient."